



Sanggup tinggalkan rumah demi KUKUM ...



<< Penerima Anugerah Individu Terbaik Keseluruhan, Majlis Anugerah Sukan KUKUM '03 >>

Muhammad Sani Mustafa

Muhammad Sani Mustafa dilahirkan 1 Mac 1983 di Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang merupakan anak kepada pasangan Mustafa Ahmad dan Sarimah Said. Menjejak alam persekolahan di Sekolah Rendah Kebangsaan Alma, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Disini beliau memulakan karier sebagai pemain bola sepak. Bakat yang terpendam pada diri beliau mula menonjol apabila beliau melanjutkan persekolahan di Sekolah Menengah Guar Perahu, Pulau Pinang yang merupakan salah sebuah sekolah yang melahirkan jaguh bola sepak masa kini. Beliau mendapat keputusan yang cemerlang dalam Peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan melanjutkan pelajaran di Kolej Matrikulasi Kurniawan, Kuala Lumpur.

Beliau yang merupakan seorang periang dan mempunyai tokoh kepimpinan. Berkat usaha gigih beliau semasa matrikulasi, beliau dapat melanjutkan pelajaran keperingkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan di IPTA iaitu Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Di KUKUM beliau adalah antara siswa yang aktif dan pernah menjadi Exco Akademik Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk sesi 2002/03 dan salah seorang pelajar yang mendapat CGPA 3.00 ke atas. Kemuncak kejayaan beliau adalah mewakili Malaysia dalam Asian School Championship di Bangkok, Thailand.

Disamping itu juga beliau pernah membantu pasukan bola sepak Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM FC) menjuarai Kejohanan Intervarsity Engineering Games (EG2003) yang berlangsung di Universiti Malaya. Kini beliau mewakili KUKUM FT dalam mengharungi Liga Bolasepak BUMITA '04. Walaupun dalam cuti semester, beliau sanggup menghabiskan masa dengan latihan walaupun terpaksa meninggalkan rumah demi menaikkan nama KUKUM supaya sebaris dengan IPTA-IPTA yang lain. Dengan semangat itu beliau dipilih untuk menerima Anugerah Individu Terbaik Keseluruhan di Majlis Anugerah Sukan KUKUM '03.

Pencapaian Muhammad Sani Mustafa dalam bola sepak

- >> Mewakili Sekolah Rendah Kebangsaan Alma, Bukit Mertajam
- >> Mewakili Sekolah Menengah Guar Perahu, Pulau Pinang
- >> Mewakili Pulau Pinang untuk Bolasepak Bawah 12, 14, 16 dan 18
- >> Mewakili Pulau Pinang untuk Piala Presiden
- >> Mewakili Malaysia untuk Kejohanan Sekolah-sekolah Asian
- >> Mewakili KUKUM untuk MASUM (Uni_League 03)
- >> Mewakili KUKUM untuk Kejohanan Intervarsity Engineering Games (EG2003) - Johan
- >> Mewakili KUKUM FT untuk Kejohanan Bola Sepak Liga Bumita, Perlis
- >> Menerima Anugerah Individu Terbaik Keseluruhan di Majlis Anugerah Sukan KUKUM '03